

PM minta hospital swasta kurangkan caj

UM - 9 SEP 2002

Oleh ZAINU'L AZHAR ASH'ARI

KUALA LUMPUR 8 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta hospital swasta mengurangkan bayaran ke atas pesakit yang tidak berkemampuan tetapi memerlukan rawatan atau pembedahan.

Perdana Menteri berkata, jika orang ramai sanggup menderma kepada pesakit yang tidak berkemampuan bagi mendapatkan rawatan atau pembedahan, hospital swasta juga patut berbuat demikian.

“Jika kos rawatan atau pembedahan tinggi, hospital swasta perlu mengurangkan caj atau mungkin mengeneppikan bayaran tertentu.

“Malah para pakar pun perlu melupakan bayaran yang selalunya mereka ambil. Saya yakin mereka juga prihatin,” katanya pada majlis makan malam ulang tahun ke-10 Institut Jantung Negara (IJN) di PWTC di sini malam ini.

Katanya, sesetengah pesakit secara kasarnya terpaksa ‘mengemis’ wang untuk membolehkan mereka menjalani pembedahan, dan dalam banyak contoh, mereka berjaya.

Dr. Mahathir turut hairan mengapa kos pembedahan tertentu sehingga mencecah RM200,000 hingga RM300,000.

“Apabila kita melihat jumlah yang diperlukan bagi pembedahan tertentu, kita kadang-kala

bertanya sebenarnya yang mendapat wang itu. Adakah ia pihak hospital, pakar atau adakah kos pembedahan atau perubatan yang tinggi?” soal beliau.

Oleh itu, katanya, hospital swasta perlu munasabah dan mengurangkan bayaran termasuk melepaskan keuntungan yang mereka mungkin peroleh daripada pembedahan.

Kata Perdana Menteri: “Kita menangani dengan orang miskin.”

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, pesakit daripada golongan yang tidak berkemampuan seharusnya mendapatkan rawatan di hospital kerajaan yang menawarkan perkhidmatan secara percuma atau mengenakan caj yang rendah.

“Saya harap mereka tidak terlalu memilih dan yakin dengan kebolehan doktor di hospital kerajaan kerana kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk mereka,” tambahnya.

Menurut Dr. Mahathir, sesetengah orang memilih untuk mendapatkan rawatan atau pembedahan di hospital swasta kerana tidak yakin dengan hospital kerajaan.

Baginya, kes Sofea Qhairunnisa Ali, 15 bulan, yang meninggal dunia baru-baru ini sebelum sempat dibedah, tidak seharusnya berlaku.

“Mungkin kerana tidak yakin dengan hospital kerajaan, hospital swasta menjadi pilihan tetapi kerana menunggu wang sumbangan yang men-

cukupi, malangnya Sofea meninggal,” tambahnya sambil menyifatkan ia satu tragedi.

Kanak-kanak itu, yang menghidap penyakit sistem hati tidak berfungsi, terpaksa menunggu kutipan RM265,000 untuk membolehkannya dibedah di hospital swasta tetapi dia meninggal sebelum pembedahan dijalankan.

Merujuk pula kepada pembedahan jantung beliau yang dilakukan oleh pakar jantung di IJN sekitar 1980-an, Dr. Mahathir berkata, beliau boleh memilih untuk mendapatkan rawatan di hospital terbaik di Amerika Syarikat.

“Tetapi saya lebih suka dibedah di sini sebab saya mempunyai keyakinan terhadap doktor Malaysia. Dan saya berfikir ia tepat sebab jika tidak saya tidak akan berdiri di sini dan bercakap kepada anda,” katanya.

Sementara itu, Dr. Mahathir menasihatkan rakyat agar tidak terlalu memikirkan soal sumbangan yang diterima oleh personaliti televisyen Ras Adiba Radzi, bagi membolehkannya mendapat rawatan untuk penyakit lumpuh.

“Apabila seseorang yang muda dan sihat tiba-tiba tidak dapat menggerakkan kaki, lumpuh...ini suatu tragedi.

“Saya percaya, jika derma yang diterimanya lebih, Ras Adiba sudah pasti akan menyumbangkannya kepada orang lain,” kata Dr. Mahathir lagi.